

Pembubaran tepati senario semasa

UM 1 1 NOV 1999

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Pakar sejarah, Datuk Dr. Ramlah Adam menyifatkan keputusan kerajaan membubarkan Parlimen esok sebagai tepat dan kena pada masanya berasaskan senario semasa yang dilihat memihak kepada Barisan Nasional (BN).

Walaupun agak terperanjat kerana tidak menjangka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengumumkannya seawal ini, beliau percaya langkah tersebut diambil setelah mengambil kira keyakinan BN memenangi pilihan raya kali ini.

“Perdana Menteri kelihatan cukup yakin, ceria dan

gagah ketika mengadakan sidang akhbar mengumumkan keputusan tersebut.

“Ini bermakna, Perdana Menteri benar-benar telah merasakan kini adalah masa yang paling tepat untuk mengadakan pilihan raya,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dr. Ramlah yang juga pensyarah di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) berpendapat kemelut yang melanda parti-parti pembangkang berkaitan pelbagai isu akhir-akhir ini memberi ruang rakyat menilai kewibawaan barisan yang menawarkan alternatif itu.

Menurutnya, isu negara

Islam memang menimbulkan konflik di antara Pas dan DAP selama ini.

“Pertikaian pendapat di antara Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan timbalannya, Abdul Hadi Awang mengenai isu itu bukan sahaja merenggangkan ‘hubungan antara Pas dengan DAP malah di kalangan pemimpin parti itu sendiri,” tambahnya.

Beliau berkata, tindakan Pas bekerjasama dengan DAP amat memeranjatkan penyokongnya yang selama ini terkenal ekstrem seolah-olah bersedia “membuang semua identitinya” hanya untuk memancing undi kaum Cina pada pilihan raya kali ini.